

Sijil vaksinasi, pelaburan antara isu dibincang dalam lawatan PM ke Vietnam

© 2022-03-20T08:25:08+08:00



HANOI: Pemulihan ekonomi pascapandemik COVID-19 dalam pelbagai sektor termasuk perdagangan dan pelaburan serta sijil vaksinasi antara isu yang akan menjadi tumpuan semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (gambar) ke Vietnam bermula hari ini hingga Selasa.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Amran Mohamed Zin berkata pihak berkuasa Vietnam mengiktiraf sijil vaksinasi Malaysia dan keputusan itu disambut baik kerana ia merupakan antara aspek kerjasama yang ingin diadakan dengan rakan strategik negara ASEAN dan luar ASEAN.

“Cuma bagi pihak Malaysia pula, pengiktirafan sijil vaksinasi Vietnam sedang diteliti dengan aktif oleh kementerian yang berkaitan terutama MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi).

“Mungkin semasa lawatan ini, Perdana Menteri akan membuat pengumuman tentang hala tuju berhubung pengiktirafan sijil vaksinasi dan kemudahan untuk rentas sempadan Malaysia.

“Kita akan lihat bagaimana prosedur yang perlu ditetapkan untuk kedua-dua pihak bagi proses keluar masuk antara Malaysia dan Vietnam bagi semua kategori pengembara, pelancong, peniagaan serta pelajar,” katanya pada sidang akhbar bersama media Malaysia di sini semalam.

Beliau berkata Vietnam telah membuka pintu sempadannya pada 15 Mac lepas dan lawatan ini akan memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk membincangkan perkara berkaitan pascapandemik.

Katanya jumlah pelancong dari Malaysia ke Vietnam agak tinggi iaitu lebih 600,000 pada 2019 manakala dari Vietnam ke Malaysia lebih 400,000 orang.

Amran juga berkata kerjasama perdagangan antara kedua-dua negara pada 2021 ialah sebanyak US\$16 bilion.

Beliau berkata semasa mesyuarat jawatankuasa bersama Malaysia dan Vietnam pada tahun lepas, persetujuan awal telah dicapai supaya kedua-dua negara menetapkan sasaran nilai dagangan sebanyak US\$18 bilion menjelang 2025.

“Sudah tentunya perkara ini akan dibincangkan oleh Perdana Menteri dengan rakan sejawatan beliau dan kita akan tetapkan sasaran yang muktamad di peringkat tertinggi kedua-dua negara.

“Kalau dikira dari segi pelaburan, kita memang mempunyai pelaburan yang agak tinggi di Vietnam oleh pelabur Malaysia,” katanya.

Amran berkata Malaysia merupakan rakan dagang kesembilan terbesar Vietnam di peringkat global manakala Vietnam pula rakan dagang ke-19 terbesar bagi Malaysia.

Beliau berkata nilai pelaburan negara di Vietnam pada 2021 ialah US\$12.81 bilion dan Malaysia merupakan pelabur kelapan terbesar di negara itu manakala nilai pelaburan Vietnam di Malaysia pula masih di tahap yang perlu diperbaiki.

“Perdana Menteri sudah tentu akan menjemput pelabur dari Vietnam ke Malaysia bagi mengimbangi nilai pelaburan dua hala kerana banyak peluang pelaburan yang ditawarkan di Malaysia dan Perdana Menteri akan beri tekanan peningkatan pelaburan dari Vietnam ke Malaysia,” katanya. - BERNAMA